

21 NOV 1997

Buku-Kampung

PERDANA MENTERI AKAN RASMI KAMPUNG BUKU MALAYSIA DI LANGKAWI

LANGKAWI, 21 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Kampung Buku Malaysia Langkawi, di Lubuk Semilang, Ulu Melaka di sini pada 3 Dis.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kampung berkenaan Abdul Rahman Ariffin hari ini berkata sempena perasmiannya, kira-kira satu juta buku meliputi pelbagai tajuk akan ditempatkan di situ.

Beliau berkata buku-buku pelbagai bahasa dari dalam dan luar negara itu akan ditempatkan di situ disamping buku-buku agama yang akan dibekalkan oleh Syarikat Darul Fikir.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Popular Book Store dan Ilhaz Book Store ialah antara lapan pembekal yang dipilih untuk membekalkan buku di kampung yang pertama di Asia Tenggara itu, katanya.

Beliau berkata setiap pembekal itu akan membekal kira-kira 100,000 naskah buku, tidak termasuk pembekal yang akan menyertai pameran Bazaar Buku sempena perasmiannya.

Abdul Rahman berkata sehingga kini sebanyak 20 syarikat mengesahkan untuk menyertai pameran itu dan sebuah galeri dinamakan Asia-Kyushu turut ditempatkan untuk mempamerkan buku dan barangan satu kampung satu pengeluaran.

Delegasi Asia-Kyushu yang bersidang di sini minggu lepas turut mengunjungi kampung itu dan melihat pembangunannya, kata beliau.

Kampung Buku Malaysia yang diilhamkan oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid akan menjadi tarikan baru kepada pulau peranginan itu terutama peminat buku dari dalam dan luar negeri.

Ia merupakan yang ketiga di Asia selepas Kampung Buku di Miyagawa dan Kembuchi di Jepun. Kampung Buku Malaysia merupakan satu daripada 12 kampung buku di seluruh dunia.

Beliau berkata perasmian kampung itu dibuat sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA 1997) dari 2 hingga 7 Dis. -- BERNAMA

ZI/MAN FAZ